

24 JUL 2001

Mahathir-Guru

AJARAN TAK BETUL GURU AGAMA KELIRUKAN PELAJAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan kalangan guru agama yang tidak memberikan ajaran agama yang betul kepada pelajar menyebabkan pelajar keliru dan terlibat dalam gejala buruk seperti pemujaan syaitan.

Menurutnya ramai juga di kalangan guru agama itu tidak menjalankan tugas yang diamanahkan sebaliknya menumpukan kepada politik, khususnya bagi mengembangkan politik pembangkang.

Perdana Menteri berkata kerajaan memperkenalkan matapelajaran agama bukan setakat untuk mengembangkan agama tapi juga membolehkan generasi muda memahami apa yang diwajibkan dan apa yang dilarang.

"Malangnya ramai juga guru yang tidak peduli pelajaran agama tapi tumpu pada politik, khususnya mengembangkan politik Pas, timbulkan kebencian pada kerajaan di kalangan pelajar, dengan itu pelajar sudah jadi keliru. Jadi mereka tak tahu apa yang dilarang agama dan apabila datang ajaran-ajaran yang bertentangan dengan agama mereka terbawa-bawa," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai tindak-tanduk kalangan guru agama yang tidak menjalankan tugas yang diamanahkan untuk memberikan ajaran agama yang betul kepada pelajar sehingga terjebak dengan pengaruh tidak baik seperti Black Metal.

Terdahulu Dr Mahathir menyampaikan kad pintar Proton World International kepada Iris Technology Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara di pejabat Iris di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil.

Umpamanya, kata Dr Mahathir, dalam gerakan pemujaan syaitan itu dikesan ada unsur-unsur anti-Kristian.

"Jadi budak ingat anti-Kristian ini sesuai dengan pendirian dia. Ada wanita pakai tudung tapi gantung rantai yang ada salib terbalik. Jadi ada tuduhan usaha orang Kristian untuk Kristiankan budak-budak ini.

"Tapi sebenarnya ini bukan hasil usaha orang Kristian, sebaliknya hasil pembawaan ajaran sesat berkenaan dengan Islam... berkenaan pemujaan syaitan sehingga mereka sanggup koyak Quran," katanya.

Dr Mahathir berkata ada pelajar yang mengaku telah mencerca Quran yang menurut Perdana Menteri kerana tidak mendapat pelajaran agama yang betul di sekolah.

"Kalau tak dapat pelajaran agama yang betul, siapa yang kita nak salahkan jika tidak guru yang ajar agama. Bukan semua tapi ada ramai juga yang tidak peduli pada ajaran agama tapi sebaliknya tumpu pada politik," katanya.

Mengenai tindakan untuk membetulkan keadaan ini, Dr Mahathir berkata guru-guru yang terlibat perlu dikumpulkan dan diberi penjelasan mengenai tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab selama ini.

"Berdosa buat kerja itu kerana mereka tidak beramanah... kita beri amanah pada mereka sampaikan ajaran Islam sebenar, sebaliknya mereka abai tanggungjawab mereka dan sebarkan politik parti lawan untuk tentukan apabila pelajar-pelajar ini membesar mereka akan sertai parti lawan. Ini rancangan 30 tahun bermula dari tadika," katanya.

Sebab itu Pas rajin adakan tadika, bukan nak ajar agama tapi untuk ajar kanak-kanak supaya benci kepada kerajaan, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai laporan akhbar yang memetik Ketua Pemuda DAP Kebangsaan Teng Chang Khim sebagai berkata semalam bahawa Pengerusi Kebangsaan parti pembangkang itu, Lim Kit Siang patut mengundurkan diri dari barisan kepimpinan DAP kerana sudah hampir 32 tahun

menerajuinya.

"Saya fikir berkali-kali (Lim) dah cakap nak lepas jawatan. Tapi lain yang dikata lain yang dibuat. Nampak ada tabiat susah nak lepas (jawatan) sangat. Kalau tengok sejarah DAP dan asal usul, memang ada penyakit pun... penyakit tak mahu lepas jawatan," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV AHH NMO